

KESAN PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH TERHADAP MOTIVASI
PELAJAR DALAM MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP

KAMAL BIN JASMAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal
(Rekabentuk Instruksional dan Teknologi)



Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JUN 2014

ABSTRAK

Pembelajaran Berasaskan Masalah merupakan satu kaedah pembelajaran secara aktif, berpusatkan pelajar, melibatkan perbincangan kumpulan dan berlandaskan masalah. Kajian ini bertujuan untuk menentukan motivasi pelajar melalui kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) berbanding motivasi pelajar melalui kaedah Pembelajaran Sedia Ada (PSA) dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk Eksperimental Benar Ujian Pasca yang melibatkan 30 orang pelajar Tahun 5. Motivasi pelajar diukur dengan menggunakan soal selidik yang dibangunkan. Motivasi pelajar dibandingkan antara Kumpulan Rawatan (PBM) seramai 15 orang pelajar dengan Kumpulan Kawalan (PSA) seramai 15 orang pelajar. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS. Analisis statistik yang terlibat adalah analisis deskriptif dan Ujian-t. Dapatan kajian menunjukkan motivasi keseluruhan pelajar Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan berada pada tahap yang tinggi. Namun begitu, nilai skor min motivasi keseluruhan Kumpulan Rawatan adalah lebih tinggi daripada Kumpulan Kawalan. Analisis Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik ($p < 0.05$) di antara skor min keseluruhan motivasi pelajar Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan. Bagi komponen motivasi pula, tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($p > 0.05$) di antara skor min motivasi aspek tumpuan usaha di antara pelajar Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan. Walau bagaimanapun, bagi dua komponen iaitu motivasi aspek minat untuk belajar dan aspek kepuasan dengan pembelajaran, terdapat perbezaan yang signifikan ($p < 0.05$) di antara skor min bagi Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor min motivasi keseluruhan pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam Kumpulan Rawatan. Sebaliknya, terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor min motivasi keseluruhan pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam Kumpulan Kawalan. Pada keseluruhannya, motivasi pelajar adalah tinggi melalui PBM dalam Kemahiran Hidup. Kajian mencadangkan penyelidikan tentang kesan PBM terhadap pencapaian dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup untuk kajian akan datang.

ABSTRACT

Problem Based Learning is a method of active learning, student-centered, involving group discussions and based on problem. This study aims to investigate students' motivation with Problem Based Learning (PBL) compared to Existing Learning Methods (ELM) in Living Skills subject. The study was conducted using True Experimental Posttest Design involving 30 students from Year 5. Students' motivation is measured using a questionnaire that is specially developed. Students' motivation was compared between Treatment Group (PBL), which consists of 15 students and Control Group (ELM), also of 15 students. Data were analysed using SPSS. Statistical analyses involved were descriptive analysis and t-Test. The results showed that, overall students' motivation of Treatment Group and Control Group is at the high level. However, the overall motivation mean score value of Treatment Group was higher than the overall motivation mean score value of the Control Group. T-test analysis showed that PBL affect students' motivation where there is a statistically significant difference ($p < 0.05$) between the overall motivation mean score of Treatment Group who followed the PBL with the overall motivation mean score of Control Group who followed the ELM. For motivating components, there is no significant difference ($p > 0.05$) between the mean scores on the motivational aspect of effort concentration for students in Treatment Group with the Control Group. However, other two components of the motivational aspects that are interest in learning and learning satisfaction, there were significant differences ($p < 0.05$) between the mean scores for the Treatment Group with the Control Group. The study also showed no significant difference between the overall motivation mean score of male students with the overall motivation mean score of female students in Treatment Group. On the other hand, there is significant difference between the overall motivation mean score of male students with the overall motivation mean score of female students in the Control Group. Overall, students' motivation is high through PBL in Living Skills subject. This Study suggests further investigation on the effect of PBL on students' achievement in Living Skills subjects for future research.

KANDUNGAN

| | | |
|--------------|----------------------------|-------------|
| | TAJUK | i |
| | PERAKUAN | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xiii |
| | SENARAI RAJAH | xv |
| | SENARAI SINGKATAN | xvi |
| | SENARAI LAMPIRAN | xvii |
| BAB 1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar belakang masalah | 4 |
| | 1.3 Pernyataan masalah | 7 |
| | 1.4 Objektif kajian | 8 |
| | 1.5 Persoalan kajian | 8 |
| | 1.6 Hipotesis kajian | 9 |
| | 1.7 Skop kajian | 10 |
| | 1.8 Kepentingan kajian | 10 |
| | 1.9 Batasan kajian | 11 |

| | | |
|--------------|---|-----------|
| 1.10 | Kerangka konsep kajian | 12 |
| 1.11 | Definisi istilah | 13 |
| 1.11.1 | Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) | 13 |
| 1.11.2 | Pembelajaran Sedia Ada (PSA) | 13 |
| 1.11.3 | Motivasi | 14 |
| 1.11.4 | Motivasi aspek tumpuan usaha | 15 |
| 1.11.5 | Motivasi aspek minat untuk belajar | 15 |
| 1.11.6 | Motivasi aspek kepuasan dengan pembelajaran | 16 |
| 1.12 | Kesimpulan | 16 |
| BAB 2 | SOROTAN KAJIAN | 18 |
| 2.1 | Pengenalan | 18 |
| 2.2 | Proses pengajaran dan pembelajaran | 19 |
| 2.3 | Teori pembelajaran | 20 |
| 2.4 | Teori Konstruktivisme | 20 |
| 2.5 | Pembelajaran perbincangan kumpulan | 22 |
| 2.6 | Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) | 23 |
| 2.6.1 | Model Pembelajaran Berasaskan Masalah | 28 |
| 2.7 | Carta <i>FILA</i> | 31 |
| 2.8 | Mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah | 32 |
| 2.9 | Kaedah pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup | 33 |
| 2.9.1 | Projek | 34 |



| | | |
|--------------|--|-----------|
| 2.9.2 | Demonstrasi | 34 |
| 2.9.3 | Penyelesaian masalah | 34 |
| 2.9.4 | Lawatan | 35 |
| 2.9.5 | Perbincangan | 35 |
| 2.9.6 | Kaedah pilihan dalam kajian (PSA) | 35 |
| 2.10 | Motivasi dalam pembelajaran | 36 |
| 2.11 | Model motivasi pembelajaran <i>ARCS</i> | 47 |
| 2.12 | Kajian lepas | 49 |
| 2.13 | Kesimpulan | 43 |
| BAB 3 | METODOLOGI KAJIAN | 44 |
| 3.0 | Pengenalan | 44 |
| 3.1 | Reka bentuk kajian | 45 |
| 3.2 | Populasi kajian | 57 |
| 3.3 | Subjek kajian | 57 |
| 3.4 | Instrumen kajian | 48 |
| 3.4.1 | Instrumen soal selidik | 49 |
| 3.4.1.1 | Pembinaan item-item motivasi aspek tumpuan usaha (Bahagian B) | 51 |
| 3.4.1.2 | Pembinaan item-item motivasi aspek minat untuk belajar (Bahagian C) | 54 |
| 3.4.1.1 | pembinaan item-item motivasi aspek kepuasan dengan pembelajaran (Bahagian D) | 54 |
| 3.4.2 | Instrumen rancangan pengajaran PBM | 56 |



| | | |
|--------------|---|-----------|
| 3.4.3 | Instrumen rancangan pengajaran PSA | 56 |
| 3.4.4 | Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen | 57 |
| 3.4.5 | Kajian rintis | 57 |
| 3.4.5.1 | Kesahan instrumen soal selidik | 60 |
| 3.4.6 | Kesahan instrumen rancangan pengajaran | 60 |
| 3.5 | Prosedur pengumpulan data | 61 |
| 3.6 | Kerangka operasi | 61 |
| 3.7 | Penganalisan data | 64 |
| 3.7.1 | Penganalisan data soalan kajian 1 | 64 |
| 3.7.2 | Penganalisan data soalan kajian 2 | 65 |
| 3.7.3 | Penganalisan data soalan kajian 3 | 66 |
| 3.7.4 | Penganalisan data soalan kajian 4 | 66 |
| 3.7.5 | Penganalisan data soalan kajian 5 | 67 |
| 3.7.6 | Penganalisan data soalan kajian 6 | 68 |
| 3.8 | Jangkaan dapatan | 70 |
| 3.9 | Kesimpulan | 71 |
| BAB 4 | ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | 72 |
| 4.1 | Pengenalan | 72 |
| 4.2 | Demografi pelajar | 73 |
| 4.3 | Taburan data | 73 |
| 4.4 | Soalan 1: Apakah tahap motivasi pelajar | |
| | Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan | 74 |
| 4.4.1 | Analisis skor min motivasi keseluruhan | |
| | untuk tahap motivasi pelajar | |
| | Kumpulan Rawatan dan Kumpulan | |
| | Kawalan | 75 |

| | | |
|------|---|----|
| 4.5 | Soalan 2: Adakah kaedah PBM mempengaruhi motivasi pelajar | 75 |
| 4.6 | Soalan 3: Adakah terdapat perbezaan Motivasi aspek tumpuan usaha pelajar Kumpulan Rawatan Berbanding Kumpulan Kawalan | 76 |
| 4.7 | Soalan 4: Adakah terdapat perbezaan Motivasi aspek minat untuk belajar pelajar Kumpulan Rawatan Berbanding Kumpulan Kawalan | 77 |
| 4.8 | Soalan 4: Adakah terdapat perbezaan Motivasi aspek kepuasan dengan pembelajaran Pelajar Kumpulan Rawatan Berbanding Kumpulan Kawalan | 78 |
| 4.9 | Soalan 3: Adakah terdapat perbezaan Motivasi pelajar Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan berdasarkan jantina | 79 |
| 4.10 | Kesimpulan | 80 |

| | | |
|--------------|--|-----------|
| BAB 5 | PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN | 81 |
| 5.1 | Pengenalan | 81 |
| 5.2 | Perbincangan | 81 |
| 5.2.1 | Apakah tahap motivasi pelajar Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan? | 81 |

| | | |
|-------|--|------------|
| 5.2.2 | Adakah kaedah PBM mempengaruhi Motivasi pelajar? | 82 |
| 5.2.3 | Adakah terdapat perbezaan motivasi Aspek tumpuan usaha, pelajar Kumpulan Rawatan berbanding Kumpulan Kawalan | 83 |
| 5.2.4 | Adakah terdapat perbezaan motivasi Aspek minat untuk belajar, pelajar Kumpulan Rawatan berbanding Kumpulan Kawalan | 85 |
| 5.2.5 | Adakah terdapat perbezaan motivasi Aspek kepuasan dengan pembelajaran, pelajar Kumpulan Rawatan berbanding Kumpulan Kawalan | 86 |
| 5.2.6 | Adakah terdapat perbezaan motivasi pelajar Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan berdasarkan jantina | 87 |
| 5.3 | Kesimpulan | 88 |
| 5.4 | Cadangan | 89 |
| 5.5 | Cadangan untuk kajian akan datang | 90 |
| 5.6 | Penutup | 90 |
| | RUJUKAN | 92 |
| | LAMPIRAN | 101 |



SENARAI JADUAL

| | | |
|-------------|---|----|
| Jadual 2.1 | Peringkat Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) | 27 |
| Jadual 2.2 | Contoh model-model pelaksanaan PBM | 28 |
| Jadual 2.3 | Pengertian <i>FILA</i> | 31 |
| Jadual 3.1 | Bilangan subjek kajian berbanding Populasi | 48 |
| Jadual 3.2 | Pembahagian kumpulan subjek kajian | 48 |
| Jadual 3.3 | Skala pilihan soal selidik | 50 |
| Jadual 3.4 | Bilangan item bagi latar belakang pelajar (subjek kajian) dan tiga aspek motivasi | 50 |
| Jadual 3.5 | Item-item soal selidik Bahagian B (motivasi aspek tumpuan usaha) | 52 |
| Jadual 3.6 | Item-item soal selidik Bahagian C (motivasi aspek minat untuk belajar) | 54 |
| Jadual 3.7 | Item-item soal selidik Bahagian D (motivasi aspek kepuasan dengan pembelajaran) | 55 |
| Jadual 3.8 | Nilai <i>Alpha Cronbach</i> kajian rintis | 58 |
| Jadual 3.9 | Nilai kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i> | 58 |
| Jadual 3.10 | <i>Item-Total Statistics</i> kajian rintis | 59 |
| Jadual 3.11 | Pengkelasan tahap motivasi berdasarkan skor min | 65 |
| Jadual 3.12 | Analisis data untuk persoalan kajian | 69 |
| Jadual 3.13 | Analisis data untuk hipotesis kajian | 70 |
| Jadual 4.1 | Taburan bilangan dan peratusan subjek kajian mengikut jantungina | 73 |
| Jadual 4.2 | Keputusan <i>Normality Test</i> | 74 |

| | | |
|------------|---|----|
| Jadual 4.3 | Skor min, sisihan piawai dan tahap motivasi keseluruhan berdasarkan kumpulan | 75 |
| Jadual 4.4 | Keputusan Ujian-t bagi skor min motivasi keseluruhan Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan | 76 |
| Jadual 4.5 | Keputusan Ujian-t bagi skor min motivasi Aspek tumpuan usaha Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan | 76 |
| Jadual 4.6 | Keputusan Ujian-t bagi skor min motivasi Aspek minat untuk belajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan | 77 |
| Jadual 4.7 | Keputusan Ujian-t bagi skor min motivasi Aspek kepuasan dengan pembelajaran Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan | 78 |
| Jadual 4.8 | Keputusan Ujian-t bagi skor min motivasi keseluruhan berdasarkan jantina Kumpulan Rawatan | 79 |
| Jadual 4.9 | Keputusan Ujian-t bagi skor min motivasi keseluruhan berdasarkan jantina Kumpulan Kawalan | 79 |



SENARAI RAJAH

| | | |
|-----------|---------------------------|----|
| Rajah 1.1 | Kerangka konsep kajian | 12 |
| Rajah 3.1 | Reka bentuk Eksperimental | |
| | Benar kajian | 46 |
| Rajah 3.2 | Bentuk kajian | 46 |
| Rajah 3.3 | Kerangka operasi PS1 | 62 |
| Rajah 3.4 | Kerangka operasi PS2 | 63 |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|-------------|---|---|
| <i>ARCS</i> | - | <i>Attention, Relevance, Confidence, Satisfaction</i> |
| <i>FILA</i> | - | <i>Facts, Ideas, Learning Issues, Action Plans</i> |
| KBSR | - | Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah |
| KBSM | - | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah |
| PBM | - | Pembelajaran Berasaskan Masalah |
| PSA | - | Pembelajaran Sedia Ada |
| PS1 | - | Projek Sarjana 1 |
| PS2 | - | Projek Sarjana 2 |
| <i>SPSS</i> | - | <i>Statistical Package for the Social Sciences</i> |
| UTHM | - | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

| | | |
|---|---|-----|
| A | Surat Permohonan | 101 |
| B | Surat Kebenaran | 102 |
| C | Soal Selidik Kajian | 104 |
| D | Borang Pengesahan Soal Selidik | 109 |
| E | Rancangan Pengajaran PBM | 117 |
| F | Rancangan Pengajaran PSA | 125 |
| G | Borang Pengesahan Rancangan Pengajaran PBM dan PSA | 129 |
| H | Contoh Hasil Kerja Pelajar Kumpulan Rawatan (PBM) | 138 |
| I | Contoh Hasil Kerja Pelajar Kumpulan Kawalan (PSA) | 148 |
| J | <i>Output SPSS</i> | 152 |



BAB 1

Pengenalan

1.1 Pengenalan

Secara umumnya, pembelajaran merupakan proses memperolehi pengetahuan, kemahiran, sikap, dan nilai yang akhirnya dijangka akan membawa perubahan dalam diri pelajar. Sebagai seorang pengajar, pendekatan pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan yang amat penting untuk merealisasikan perubahan berlaku pada diri pelajar. Menurut Abdulah, Roslan & Sulaiman (2012), pengajaran boleh dilaksanakan dengan pelbagai cara, iaitu dengan memberi penerangan, bercerita, menunjuk ajar, mengadakan perbincangan, dan memberi bimbingan terhadap proses pembelajaran pelajar atau gabungan cara-cara di atas.

Namun begitu selaras dengan perubahan dunia yang berkembang maju dari pelbagai bidang, situasi pengajaran dan pembelajaran masa kini juga tidak terkecuali daripada perubahan. Khambayat (2010) menyatakan dalam penulisannya, perspektif pengajaran dan pembelajaran cara lama seperti pembelajaran berpusatkan guru, pembelajaran reproduktif, pembelajaran berasaskan tingkah laku dan berasaskan masa telah mengalami anjakan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar, pembelajaran produktif, pembelajaran konstruktif dan juga pembelajaran berasaskan hasil. Guru atau pengajar lebih berperanan sebagai fasilitator yang membimbing pelajar yang membina sendiri pengetahuan yang disasarkan.

Pembelajaran aktif merupakan satu kaedah yang berpusatkan pelajar. Pembelajaran aktif memerlukan penglibatan mental dan perbuatan pelajar dalam sesebuah proses pembelajaran dan pengajaran. Berdasarkan pernyataan Ashaari (2009), kaedah pembelajaran secara penerangan atau kuliah dan tunjuk cara sahaja tidak akan memandu pelajar kepada pembelajaran yang sebenar dan bersifat kekal. Hal yang sedemikian adalah kerana pelajar tidak mendalami sepenuhnya sesuatu

topik dengan hanya mendengar guru mengajar. Satu kaedah pembelajaran yang menyokong pembelajaran aktif ialah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM). Boud & Felletti (1997) telah menghuraikan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) sebagai langkah mengkonstruksi idea pelajar menggunakan masalah sebagai rangsangan dan memfokuskan kepada aktiviti berpusatkan pelajar, Masalah boleh dicetuskan oleh guru atau pelajar sendiri dalam bentuk senario atau kajian kes. Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) merangkumi bidang strategi luas yang termasuk penyelesaian masalah, pengajaran berasaskan projek dan pengajaran berasaskan kes yang memerlukan penglibatan aktif pelajar. Oleh yang demikian, dapatlah dilihat bahawa Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) mampu menjadi satu jalan penyelesaian yang dapat memenuhi keperluan pembelajaran masa kini yang menghasratkan pelajar yang lebih aktif, mampu membina pengetahuan sendiri serta berdaya saing.

Mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah merupakan mata pelajaran wajib yang diambil oleh pelajar Tahun 5 dan Tahun 6. Ianya juga merupakan satu mata pelajaran yang sebahagian besarnya bercorak amali dan secara umumnya pembelajaran mata pelajaran ini dilaksanakan di bengkel atau bilik Kemahiran Hidup yang memberikan sedikit kelainan suasana pembelajaran berbanding di dalam kelas biasa. Terdapat pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah iaitu kaedah projek, demonstrasi, lawatan, penyelesaian masalah dan perbincangan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran umumnya, faktor motivasi pelajar juga memainkan peranan penting dalam memaksimumkan impak hasil pembelajaran. Aktiviti pembelajaran yang dirancang guru seharusnya dapat menggalakkan dan memenuhi keperluan motivasi pelajar. Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) juga mampu meningkatkan motivasi pembelajaran di kalangan pelajar. Menurut Barrows & Kelson (1993), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) adalah direka untuk membantu pelajar membina asas yang luas dan mudah membentuk pengetahuan, kemahiran menyelesaikan masalah, memulakan kemahiran hidup sendiri, kerjasama dan kemahiran kerja berpasukan, dan satu motivasi yang mendorong proses pembelajaran.

Teori Konstruktivisme dalam psikologi pendidikan merupakan satu pengaruh yang mendorong kepada satu pendekatan iaitu Pembelajaran Berasaskan Masalah

(PBM). Menurut teori ini, untuk membantu pelajar membentuk pemahaman konsep, mereka perlu aktif dalam pembelajaran. Ahli konstruktivisme yang terkenal iaitu Vygotsky percaya bahawa proses pembentukan pemikiran yang tinggi adalah melalui interaksi sosial agar pembelajaran secara kerjasama dalam perbincangan itu bermakna. Dalam pembelajaran yang berbentuk konstruktivisme, penggunaan masalah-masalah yang berlaku dalam kehidupan seharian melalui proses pembelajaran adalah digalakkan (Fosnot, 2013).

Di peringkat antarabangsa, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) atau juga dikenali sebagai Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (*Inquiry Based Learning*) dalam bidang pendidikan merupakan salah satu kaedah yang terkenal. Ianya banyak digunakan di peringkat universiti juga semakin banyak dipraktikkan di peringkat sekolah menengah mahupun sekolah rendah sebagai satu kaedah dalam pedagogi. Pendidik percaya bahawa Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) mendorong kepada peningkatan dalam pembelajaran (CLS Consulting, 2012).

Di Malaysia, percubaan telah dibuat untuk memperkenalkan satu model Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) untuk mata pelajaran Matematik sekolah menengah. Model ini dikenali sebagai *Problem Based Learning, the Four Core Areas (PBLAC)*. Di peringkat pengajian tinggi terutamanya di peringkat universiti, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) telah dilaksanakan di dalam kurikulum untuk meningkatkan lagi kualiti pendidikan di peringkat universiti (Wikipedia, 2014).



1.2 Latar belakang masalah

Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) merupakan satu kaedah pembelajaran melalui perbincangan yang sistematik yang telah lama digunakan terutamanya untuk pelajar di institusi pengajian tinggi. Kaedah pembelajaran bercorak perbincangan seperti Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) berupaya meningkatkan motivasi pembelajaran.

Tan & Ee (2004) di dalam buku mereka menyatakan bahawa, laporan mengenai sikap pelajar pasif, kekurangan motivasi, kelemahan dalam analisis masalah dan kekurangan kemahiran komunikasi telah mendorong pihak berkuasa tertentu untuk mengesyorkan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam pengajaran. Pada teras Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) adalah integrasi konsep tertentu dalam konteks bilik darjah untuk meningkatkan kemahiran kritikal pelajar dan keupayaan menyelesaikan masalah. Ia juga berfungsi sebagai alat yang berkuasa dalam memperkasakan pelajar untuk mempunyai rasa mengawal pembelajaran mereka. Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) juga boleh menjadi alat untuk meningkatkan pembelajaran melalui kaedah perbincangan seperti pembelajaran kolaboratif di mana pelajar akan menjadi lebih produktif dalam menyatakan idea-idea, keyakinan yang lebih dalam kebanyakan aspek dalam pembelajaran serta lebih bermotivasi untuk belajar.

Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) adalah satu kaedah pembelajaran aktif yang berpusatkan pelajar dan dikatakan mempunyai kekuatan dari pelbagai sudut keperluan pelajar termasuklah dalam meningkatkan motivasi untuk belajar. Berdasarkan pernyataan Bandura (1997) di dalam bukunya, apabila pelajar percaya bahawa mereka berada dalam kawalan hasil pembelajaran mereka (pembelajaran berpusatkan pelajar), motivasi mereka untuk belajar akan meningkat. Di samping itu, beliau juga menyatakan dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM), lebih dekat masalah atau cabaran yang ketara perlu diselesaikan dalam kehidupan pelajar, lebih bermotivasi pelajar mengenai proses pembelajaran untuk menyelesaikan masalah.

Vazquez (2008), yang menyatakan bahawa penyelidikan mengenai kesan-kesan motivasi Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) telah mendedahkan bahawa perbincangan kumpulan yang positif boleh mempengaruhi minat belajar dan motivasi terhadap masalah yang perlu diselesaikan dalam persekitaran Pembelajaran

Berasaskan Masalah (PBM). Menurut Leontiev (1978), menerusi Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM), pelajar-pelajar percaya apa yang mereka belajar adalah penting dan mempunyai kaitan dengan kehidupan mereka sendiri dan seterusnya pelajar menjadi bermotivasi untuk belajar.

Kajian di peringkat Malaysia juga menunjukkan bahawa Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) mampu meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar. Kajian Ahmad Tarmizi et al., (2013) mendapati kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran Kalkulus dengan perbezaan yang signifikan berbanding kaedah tradisional. Ismail (2009) juga mendapati Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) mempunyai tahap motivasi yang lebih tinggi berbanding kaedah pembelajaran sedia ada dengan perbezaan yang signifikan secara statistik dalam mata pelajaran Kimia.

Namun begitu, kesan positif Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam meningkatkan motivasi juga masih dipertikaikan dan menjadi perdebatan yang masih berlarutan. Menurut Kirschner, Sweller & Clark (2006), kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) mengabaikan isu beban kognitif pelajar di mana dalam kaedah ini biasanya pelajar perlu berfikir pada aras yang lebih tinggi dan ini pasti membebankan aspek kognitif pelajar. Hal ini akan menyebabkan pelajar hilang minat, kurang bermotivasi dan juga menjejaskan pencapaian khususnya bagi pelajar di peringkat umur yang rendah. Hal ini selaras dengan dapatan kajian sebelumnya tentang beban kognitif pelajar dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) yang mendapati bahawa beban kognitif pelajar dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) adalah tinggi (Tuovinen & Sweller, 1999).

Weimer (2009), pula menyatakan bahawa pelajar kurang bermotivasi dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) kerana tidak bersedia dengan kaedah ini. Ini berlaku kerana pengalaman pembelajaran terdahulu seperti kaedah tradisional adalah berbeza dan gagal menyediakan pelajar untuk kaedah yang baru seperti Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM). Selain itu, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) juga boleh mewujudkan kebimbangan serta mejejaskan motivasi pelajar kerana proses pembelajaran boleh menjadi kucar kacir disebabkan cirinya yang lebih berpusatkan murid. Huang (2012) mendapati wujud perasaan yang bercampur dari segi motivasi pelajar dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) akibat pembelajaran yang bebas dan perebutan kuasa dalam kumpulan.

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara perbincangan dalam Kemahiran Hidup sekolah rendah merupakan salah satu aktiviti pembelajaran aktif dan berpusatkan murid yang dilaksanakan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Kaedah ini dilihat agak mirip dengan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dari segi elemen perbincangan secara berkumpulan. Walaupun begitu, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) bukan merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran secara perbincangan kumpulan yang disarankan dan dipraktikkan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah dan kesesuaiannya untuk dipraktikkan masih belum ditentukan.

Berdasarkan beberapa pernyataan dan dapatan kajian yang dibincangkan, kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) mempunyai kekuatan dalam menggerak atau mendorong pelajar untuk lebih bermotivasi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, terdapat juga pernyataan dan dapatan yang dibincangkan yang menunjukkan bahawa Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) juga mempunyai kesan yang menjejaskan motivasi pembelajaran. Ini menunjukkan wujudnya percanggahan dalam kesan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) terhadap motivasi pembelajaran pelajar.

Percanggahan tentang kesan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) terhadap motivasi pembelajaran pelajar serta rasa ingin tahu pengkaji tentang kesesuaiannya untuk digunakan dalam salah satu kaedah sedia ada (kaedah perbincangan) mendorong pengkaji untuk membuat kajian tentang motivasi pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM).



1.3 Pernyataan masalah

Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berlandaskan masalah dunia sebenar serta dilaksanakan secara perbincangan kumpulan yang sistematik. Motivasi belajar merupakan satu faktor yang amat mempengaruhi pelajar dalam memastikan bahawa sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran yang diikuti oleh pelajar itu memberi impak yang maksimum kepada mereka. Di dalam pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup, kepelbagaian pendekatan perlu diterapkan selaras dengan saranan Kementerian Pelajaran Malaysia menerusi Surat Pekeliling Ikhtisas BIL. 4/1986 yang telah menegaskan bahawa guru-guru hendaklah berikhtiar dan berusaha untuk mendapatkan strategi-strategi mengajar yang inovatif dan boleh mendorong serta menggerakkan kecenderungan para pelajar terhadap pembelajaran.

Beberapa laporan kajian lepas dan pernyataan terdahulu menunjukkan bahawa kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) mempunyai ciri-ciri yang mampu mendorong dan meningkatkan motivasi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Leontiev, 1978; Bandura, 1997; Tan & Ee, 2004; Vazquez, 2008; Ismail, 2009; Ahmad Tarmizi et al., 2013). Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa laporan kajian lepas dan pernyataan terdahulu menunjukkan bahawa kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) juga menyebabkan terjejasnya motivasi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Tuovinen & Sweller, 1999; Kirschner, Sweller & Clark, 2006; Weimer, 2009; Huang, 2012). Adakah kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) boleh mempengaruhi dalam meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar atau sebaliknya?

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara perbincangan merupakan salah satu aktiviti pembelajaran aktif dan berpusatkan murid yang disarankan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Kaedah ini mempunyai persamaan dengan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dari segi elemen perbincangan kumpulan. Namun begitu, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) bukan antara kaedah yang disarankan untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah dan kesesuaiannya untuk dipraktikkan masih belum ditentukan. Adakah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) sesuai digunakan sebagai satu pilihan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara perbincangan kumpulan?

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap dan mengkaji motivasi pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah melalui pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM). Di samping itu juga, kajian ini dilakukan untuk mengkaji perbezaan motivasi pelajar berdasarkan jantina. Dapatan-dapatan yang akan diperolehi menerusi kajian ini diharapkan dapat memberi petunjuk tentang kesesuaian Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) sebagai pilihan kaedah untuk perbincangan kumpulan dalam Kemahiran Hidup. Seterusnya, ianya juga diharapkan dapat memberi kebaikan kepada pelajar-pelajar, guru-guru, penyelidik-penyelidik dan juga semua pihak yang berkaitan dengan sistem pendidikan di Malaysia.

1.4 Objektif kajian

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

- i) Menenal pasti tahap motivasi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran melalui PBM dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.
- ii) Mengkaji motivasi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran melalui PBM dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.
- iii) Mengkaji perbezaan motivasi pelajar berdasarkan jantina.

1.5 Persoalan kajian

Soalan-soalan kajian adalah seperti berikut:

- i) Adakah tahap motivasi pelajar Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan?
- ii) Adakah kaedah PBM mempengaruhi motivasi pelajar?
- iii) Adakah terdapat perbezaan motivasi aspek tumpuan usaha, pelajar Kumpulan Rawatan berbanding Kumpulan Kawalan?
- iv) Adakah terdapat perbezaan motivasi aspek minat untuk belajar, pelajar Kumpulan Rawatan berbanding Kumpulan Kawalan?
- v) Adakah terdapat perbezaan motivasi aspek kepuasan dengan pembelajaran, pelajar Kumpulan Rawatan berbanding Kumpulan Kawalan?
- vi) Adakah terdapat perbezaan motivasi pelajar Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan berdasarkan jantina?

1.6 Hipotesis kajian

Untuk menjawab persoalan kajian, sebanyak enam hipotesis telah dibentuk. H_{01} bagi menjawab soalan kajian kedua. H_{02} , H_{03} dan H_{04} adalah bagi menjawab soalan kajian ketiga, soalan kajian keempat dan soalan kajian kelima. H_{05} dan H_{06} adalah bagi menjawab soalan kajian keenam. Perincian hipotesis adalah seperti berikut:

a) Hipotesis untuk soalan kajian kedua:

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi keseluruhan antara pelajar Kumpulan Rawatan berbanding Kumpulan Kawalan.

b) Hipotesis untuk soalan kajian ketiga:

H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi aspek tumpuan usaha antara pelajar Kumpulan Rawatan berbanding Kumpulan Kawalan.

c) Hipotesis untuk soalan kajian keempat:

H_{03} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi aspek minat untuk belajar antara pelajar Kumpulan Rawatan berbanding Kumpulan Kawalan.

d) Hipotesis untuk soalan kajian kelima:

H_{04} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi aspek kepuasan dengan pembelajaran antara pelajar Kumpulan Rawatan berbanding Kumpulan Kawalan.

e) Hipotesis untuk soalan kajian keenam:

H_{05} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi keseluruhan antara pelajar lelaki dan perempuan Kumpulan Rawatan.

H_{06} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi keseluruhan antara pelajar lelaki dan perempuan Kumpulan Kawalan.

1.7 Skop kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada mengkaji motivasi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Motivasi keseluruhan pelajar akan diukur tahapnya bagi dua kumpulan pelajar iaitu Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan dan dikesan perbezaannya. Kumpulan Rawatan akan melalui kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) manakala Kumpulan Kawalan melalui kaedah Pembelajaran Sedia Ada (PSA). Selain itu, tiga komponen motivasi juga akan diukur dan dibandingkan bagi kedua-dua kumpulan iaitu dari aspek tumpuan usaha, minat untuk belajar dan kepuasan dengan pembelajaran (Emily, 2011; Gardner, 1985; Keller, 1983). Perbezaan motivasi keseluruhan (gabungan tiga komponen) untuk kedua-dua Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan berdasarkan jantina juga menjadi fokus dalam kajian.

1.8 Kepentingan kajian

Kajian ini ingin mengukur motivasi pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah khususnya terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dirancang oleh guru. Pengukuran motivasi pelajar adalah di dalam kelompok domain afektif yang melibatkan perasaan, emosi, sikap dan nilai (Krathwohl et al., 1964). Dalam konteks kajian ini tiga komponen motivasi dari domain afektif yang menjadi tumpuan ialah aspek tumpuan usaha, minat untuk belajar dan kepuasan dengan pembelajaran (Emily, 2011; Gardner, 1985; Keller, 1983). Domain afektif merupakan perkara yang perlu di ambil perhatian khususnya bagi murid sekolah rendah kerana ianya memainkan peranan penting untuk menggerakkan pelajar melibatkan diri dalam sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran.

Sebagai langkah peralihan strategi pembelajaran, kaedah PBM dilaksanakan sebagai satu cara pembelajaran yang berlandaskan masalah. Pelajar dapat mengaitkan pembelajaran di sekolah dengan masalah yang berlaku dalam kehidupan harian. Ini dapat menarik minat pelajar kerana mereka menyedari mempelajari sesuatu di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup itu ada kaitan dengan realiti kehidupan ini. Justeru itu, secara tidak langsung, pelajar dapat memindahkan ilmu pengetahuan mereka kepada realiti kehidupan sebenar. Di samping dapat

menyelesaikan permasalahan, pelajar juga dapat melalui pengalaman kerja berkumpulan yang akan meningkatkan interaksi sosial pelajar. Interaksi sosial amat penting dalam kehidupan bermasyarakat. Interaksi sosial yang tinggi akan menjadikan masyarakat yang bekerja sama, berkongsi ilmu dan meningkatkan ilmu pengetahuan.


Dalam kajian ini tumpuan usaha, minat untuk belajar dan kepuasan dengan pembelajaran merupakan elemen afektif dalam motivasi yang diukur dalam kerja berkumpulan. Hasil dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan kepada guru-guru dan penyelidik akan datang khususnya berkaitan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) sebagai satu pilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah dan menengah dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup khususnya dalam perbincangan kumpulan. Sebagai asas, ianya juga diharapkan dapat membantu Kementerian Pelajaran Malaysia melihat sejauh mana kesan pengajaran dan pembelajaran secara PBM di sekolah rendah dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup terhadap motivasi pelajar dalam pembelajaran serta persepsi guru terhadap strategi PBM dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Kajian ini juga merupakan sebagai satu usaha untuk memahami dan memperbaiki pendidikan Kemahiran Hidup dan dapat menarik minat lebih ramai pelajar meminati Kemahiran Hidup yang merupakan cabang kepada pendidikan Teknik dan Vokasional.

1.9 Batasan kajian

Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Parit Raja, Batu Pahat yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup sebagai mata pelajaran wajib. Kajian ini memberi tumpuan kepada menganalisis motivasi dari segi tumpuan usaha, minat untuk belajar dan kepuasan dengan pembelajaran setelah melalui proses Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM), mata pelajaran Kemahiran Hidup. Di samping itu juga perbezaan motivasi pelajar berdasarkan jantina juga menjadi salah satu fokus kajian. Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) yang dilaksanakan juga adalah berkaitan dengan salah satu tajuk yang dipilih dari Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Tahun 5. Kekangan masa pembelajaran yang diperuntukan untuk mata pelajaran ini iaitu sejam seminggu mungkin mempengaruhi

perjalanan pengajaran dan pembelajaran dengan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM).

1.10 Kerangka konsep kajian



Rajah 1.1: Kerangka konsep kajian (Diadaptasi dari Ari, 2012).

Menurut Miles & Huberman (1994), kerangka konsep adalah bertujuan untuk mengelaskan secara grafik atau dalam bentuk cerita tentang idea keseluruhan kajian yang dijalankan. Kerangka konsep merupakan kunci kepada hubung kait antara pemboleh ubah dan faktor-faktor yang mempengaruhi kajian yang akan dijalankan.

Berdasarkan Rajah 1.1 di atas, pembelajaran aktif dan berpusatkan murid merupakan input yang dilaksanakan melalui dua pendekatan pembelajaran berasaskan kerja kumpulan iaitu Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dan Pembelajaran Sedia Ada (PSA) dengan kaedah perbincangan. Pendekatan PBM adalah untuk pelajar Kumpulan Rawatan manakala pendekatan PSA adalah untuk Kumpulan Kawalan. Motivasi aspek tumpuan usaha, minat untuk belajar dan kepuasan dengan pembelajaran diproses dalam kajian ini. Hasilnya, kajian ini dapat mengenal pasti tahap motivasi keseluruhan pelajar. Perbezaan motivasi antara pelajar Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan juga dapat dikenal pasti secara

keseluruhan dan secara khusus dari aspek tumpuan usaha, minat untuk belajar dan kepuasan dengan tugas.

1.11 Definisi istilah

Berikut merupakan definisi istilah yang digunakan oleh pengkaji di dalam kajian.

1.11.1 Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM)

Boud & Felletti (1997) menyatakan bahawa Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) merupakan satu falsafah baru dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bermaksud guru bukanlah satu-satunya sumber ilmu atau rujukan oleh pelajar. Justeru, pelajar boleh mendapatkan pengetahuan dan maklumat dari sumber-sumber lain. Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) juga membantu pelajar mencapai tahap pembelajaran yang spesifik untuk menjadikan mereka berkebolehan dan berkemampuan.

Di dalam kajian ini pula, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) adalah salah satu kaedah belajar di mana pelajar diberikan permasalahan yang berkaitan dengan amalan seharian atau persekitaran pelajar. Pelajar menyelesaikan permasalahan disediakan oleh guru di dalam kumpulan yang berstruktur. Permasalahan adalah merujuk kepada tajuk-tajuk mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah yang kebiasaannya diajar proses pengajaran dan pembelajarannya menggunakan kaedah Pembelajaran Sedia Ada (PSA).

1.11.2 Pembelajaran Sedia Ada (PSA)

Pembelajaran Sedia Ada (PSA) adalah merujuk kepada pelbagai jenis pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru Kemahiran Hidup sekolah rendah. Terdapat pelbagai pendekatan yang dicadangkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia menerusi Huraian Sukatan Pelajaran. Kaedah-kaedah tersebut ialah seperti tunjuk cara, bercerita, permainan, kajian, simulasi, sumbang saran, perbincangan, main peranan, temu bual, tinjauan dan lawatan. Kaedah-kaedah ini boleh digunakan mengikut kesesuaian keadaan. Pemilihan kaedah adalah bergantung kepada beberapa

faktor iaitu objektif pelajaran, kemudahan, saiz kelas dan taraf kebolehan murid (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

Dalam konteks kajian ini, Pembelajaran Sedia Ada (PSA) merujuk kepada salah satu kaedah yang disenaraikan di atas iaitu kaedah perbincangan. Kaedah perbincangan pula terbahagi kepada dua iaitu perbincangan melibatkan seluruh kelas dan perbincangan melibatkan kumpulan-kumpulan (Alsagoff, 1986). Untuk kajian ini, kaedah PSA adalah merujuk kepada kaedah perbincangan kumpulan di mana ianya mempunyai satu ciri yang sama dengan PBM iaitu dari segi struktur kerja berkumpulan. Satu perbezaan yang ketara di antara PBM dan perbincangan kumpulan (PSA) ialah PBM adalah berasaskan permasalahan yang dicetuskan oleh guru atau pelajar sendiri dalam bentuk senario yang berkait rapat dengan kehidupan pelajar (Serife, 2011). Manakala perbincangan kumpulan (PSA) boleh dijalankan dalam pelbagai bentuk seperti perbincangan berkumpulan untuk menjawab soalan-soalan latihan, mencari maklumat, membuat nota dan sebagainya. Motivasi pelajar akan diukur ke atas satu kumpulan pelajar yang melalui kaedah PSA dan juga satu lagi kumpulan pelajar yang melalui kaedah PBM untuk dibandingkan.

1.11.3 Motivasi

Emily (2011) mendefinisikan motivasi pembelajaran sebagai gabungan kepercayaan, persepsi, nilai, minat, dan tindakan yang semuanya berkait rapat. Hasilnya, pelbagai pendekatan untuk motivasi boleh memberi tumpuan kepada tingkah laku kognitif (seperti pemantauan dan penggunaan strategi), aspek-aspek bukan kognitif (seperti persepsi, kepercayaan, dan sikap), atau kedua-duanya. Beliau juga menyatakan bahawa motivasi pembelajaran intrinsik (dalaman) terhasil oleh keseronokan peribadi, minat, atau kepuasan dan kesenangan.

Dalam konteks kajian ini motivasi merujuk kepada aspek bukan kognitif dan lebih tertumpu kepada aspek-aspek afektif pelajar. Pengukuran motivasi pelajar adalah di dalam kelompok domain afektif yang melibatkan perasaan, emosi, sikap dan nilai (Krathwohl et al., 1964). Secara terperinci, motivasi dari aspek tumpuan usaha, minat untuk belajar dan kepuasan dengan pembelajaran (Gardner, 1985 & Emily, 2011) di kalangan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah. Aspek-aspek motivasi diukur berdasarkan sesi pengajaran secara aktiviti dalam kumpulan.

1.11.4 Motivasi aspek tumpuan usaha

Aspek tumpuan usaha dalam motivasi pelajar adalah salah satu elemen dalam domain afektif iaitu berkaitan sikap (Krathwohl et al., 1964). Strategi pengajaran yang menggunakan asas permasalahan atau soalan mencabar merupakan salah satu pendekatan yang dapat menarik perhatian pelajar untuk menggiatkan atau menumpukan usaha untuk mencari jalan penyelesaian (Keller, 1983). Turner (1995) pula menyatakan, pembelajaran secara bekerjasama seperti Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) merupakan satu cara yang menggalakkan penglibatan akademik serta mendorong pelajar untuk lebih gigih menumpukan usaha dalam proses pembelajaran.

Dalam konteks kajian ini, aspek tumpuan usaha merupakan salah satu elemen motivasi pelajar yang diukur untuk menilai pengaruh PBM terhadap elemen motivasi ini.

1.11.5 Motivasi aspek minat untuk belajar

Motivasi seseorang akan meningkat apabila ia memiliki minat dan keinginan yang besar dalam melakukan tindakannya. Dalam hubungan ini motivasi dapat diwujudkan dengan cara menimbulkan atau mengembangkan minat dan keinginan pelajar dalam melakukan aktiviti pembelajaran (Tim Pengembang Ilmu pendidikan FIB-UPI, 2007).

Dalam konteks kajian ini, aspek minat untuk belajar merupakan komponen motivasi pelajar yang akan diukur setelah pelajar melalui sesi pengajaran dan pembelajaran berbentuk kerja berkumpulan iaitu PBM dan perbincangan kumpulan (PSA). Menurut Hidi & Harackiewicz (2000), berbincang dan bekerjasama mampu merangsang rasa minat dan keinginan untuk belajar.

1.11.6 Motivasi aspek kepuasan dengan pembelajaran

Dalam konteks kajian ini, aspek kepuasan dengan pembelajaran merupakan satu lagi elemen motivasi yang mampu dikecapi oleh pelajar setelah melalui sesi pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah yang mendorong untuk ia dikecapi. Menurut Keller (1983), kepuasan pembelajaran adalah sesuatu yang memberi ganjaran atau memuaskan dalam beberapa cara sama ada daripada rasa pencapaian, pujian, atau keseronokan. Kepuasan dengan pembelajaran membuat pelajar berasa seolah-olah kemahiran itu berguna atau berfaedah dengan menyediakan peluang untuk menggunakan pengetahuan baru yang diperolehi dalam suasana yang sebenar.

1.12 Kesimpulan

Bab ini membincangkan tentang pengenalan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis, skop kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konsep kajian, dan definisi istilah yang berkaitan. Cabaran dunia pendidikan masa kini menyebabkan guru-guru perlu mempunyai kemahiran dalam mempelbagaikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran selaras dengan keperluan pembelajaran pelajar yang meningkat dan sifat pelajar masa kini yang lebih aktif.

Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) menjadi kaedah pilihan untuk kajian dalam melihat sejauh mana ianya berupaya bertindak sebagai pilihan kepada pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan lebih berpusatkan pelajar dan seterusnya mampu mempengaruhi motivasi pelajar ke arah yang positif. Secara khususnya di dalam kajian ini, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang akan dikaji pengaruhnya terhadap motivasi pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Motivasi pelajar melalui PBM akan diukur dan dibandingkan dengan motivasi pelajar melalui kaedah Pembelajaran Sedia Ada (PSA) dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup iaitu kaedah perbincangan kumpulan. Motivasi dua kumpulan pelajar setelah menjalani dua kaedah berbeza untuk setiap kumpulan iaitu PBM dan PSA secara terperinci diukur berdasarkan tiga elemen motivasi yang berkaitan dengan aspek-aspek afektif pelajar terhadap pembelajaran iaitu tumpuan usaha, minat untuk belajar dan kepuasan dengan pembelajaran. Setiap aspek motivasi yang diukur serta motivasi

keseluruhan akan dibandingkan perbedaannya di antara kumpulan dengan PBM dan kumpulan dengan PSA. Di samping itu perbezaan motivasi keseluruhan berdasarkan jantina untuk setiap kumpulan juga menjadi salah satu fokus kajian.



BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bahagian ini memberikan huraian literatur mengenai kajian ini. Huraian dibuat untuk menerangkan dengan lebih jelas mengenai kajian yang dijalankan dan bertujuan untuk mengkaji motivasi pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM). Tujuan sorotan kajian ini ialah untuk membantu individu mempelajari penulisan pengkaji serta cara ianya dipersembahkan dan juga mengenal pasti penyelidikan yang sesuai untuk dibandingkan dengan penyelidikan individu itu sendiri (Idris, 2010). Dalam bab ini, kupasan akan dibuat terhadap beberapa perkara yang berkaitan dengan keseluruhan kajian ini iaitu proses pengajaran dan pembelajaran, teori pembelajaran, Teori Konstruktivisme, pembelajaran perbincangan kumpulan, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM), model PBM, Carta *FILA*, mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah, kaedah pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup, motivasi dalam pembelajaran, model motivasi pembelajaran *ARCS* dan dapatan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dan motivasi dalam pembelajaran.

2.2 Proses pengajaran dan pembelajaran

Proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan aktiviti di antara guru dan pelajar. Pelajar diharapkan dapat memperoleh ilmu pengetahuan dari guru dan juga dari pelbagai sumber yang lain. Menurut Ee (2002), bagi menjamin keberkesanan penyampaian ilmu atau matlamat, peranan guru adalah memastikan bahawa pengajaran terhadap pelajar adalah efektif. Berdasarkan laporan oleh Mei et al., (2010), proses pengajaran dan pembelajaran yang berjaya boleh membuatkan pelajar faham dan boleh mengaplikasikan ilmu tersebut. Keupayaan pelajar seterusnya dapat mempengaruhi kesan pembelajaran, meningkatkan kefahaman dan mengukuhkan pembelajaran pelajar tersebut.

Proses pembelajaran ialah proses perubahan tingkah laku yang agak tetap dan berlaku kerana pengalaman atau latihan yang diteguhkan. Pembelajaran berlaku apabila rangsangan diproses oleh otak seseorang untuk dijadikan pengalaman. Pengalaman ini pula akan digunakan untuk tindakan yang seterusnya. Pembelajaran juga merupakan satu proses yang menghasilkan perubahan tingkah laku seseorang individu dan apabila seseorang individu itu berjaya mengaitkan pengetahuan baru dengan pengalaman sedia ada (Ee, 2002).

Ee (2003) menyatakan bahawa, pengajaran adalah proses penyampaian kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap dan nilai. Pengajaran juga ialah proses atau aktiviti yang dilakukan bagi membolehkan pelajar menghasilkan sesuatu yang berfaedah untuk diri mereka dan menghargai apa yang mereka lakukan. Tugas guru sebagai pengajar tidak dapat dinafikan kepentingannya dan seseorang guru perlulah sentiasa bersedia dari semua aspek pengajaran. Seperti yang dinyatakan oleh Buang & Yap (2002), guru perlu bersedia untuk mengajar dan menguasai kandungan mata pelajaran dengan sempurna serta menggunakan pendekatan yang baik terhadap pelajar. Ini dapat memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di antara guru dan pelajar berjaya dilakukan.

Secara keseluruhannya, proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan guru dan pelajar serta mementingkan kesediaan guru dan pelajar. Guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran tertentu dan keinginan untuk menggunakan pendekatan atau kaedah yang kreatif dan pelbagai agar dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang tidak membosankan dan mampu menarik

minat pelajar untuk terus aktif semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

2.3 Teori pembelajaran

Di dalam bidang pendidikan, teori merupakan salah satu perkara asas. Teori-teori pembelajaran dalam bidang pendidikan memberi fokus kepada aspek-aspek pembelajaran dan daripadanya datang idea-idea dan prinsip-prinsip tertentu (Sishes, 2001).

Berdasarkan pernyataan Mohd Tahir, Mustafa & Mohd Yassin (2009), terdapat pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan seperti pendekatan berpusatkan guru, pendekatan berpusatkan murid dan pendekatan berpusatkan bahan. Strategi pengajaran adalah pemilihan dan perancangan guru dalam menentukan pendekatan, teknik, kaedah dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Teori pembelajaran juga merupakan satu set konstruk yang menghubungkan kaitkan perubahan yang diperhatikan dalam sesuatu prestasi dengan kemungkinan yang difikirkan boleh membawa perubahan (Ee, 2002). Secara umumnya, teori pembelajaran merupakan panduan asas untuk pembentukan sesuatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang seterusnya membawa kepada pembentukan sesuatu ilmu pengetahuan. Dalam kajian ini, Teori Konstruktivisme menjadi fokus kerana ianya mempunyai kaitan yang rapat dengan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM).

2.4 Teori Konstruktivisme

Teori pembelajaran konstruktivisme merupakan teori yang menekankan pembinaan pengetahuan dilakukan sendiri oleh pelajar. Pelajar sendiri diharapkan dapat membina pengetahuan melalui pengalaman pembelajaran yang mereka lalui dan melalui pengalaman sedia ada mereka. Menurut Fosnot (2013), konstruktivisme adalah satu teori mengenai pengetahuan dan pembelajaran. Ia menerangkan tentang konsep 'mengetahui' dan bagaimana seseorang itu berusaha 'untuk mengetahui'. Berdasarkan dapatan-dapatan kajian dalam bidang psikologi, falsafah, sains dan biologi, teori ini menerangkan bahawa pengetahuan itu bukan sebagai kebenaran yang diberikan atau ditemui, tetapi timbul, dibangunkan, tidak objektif dan

penjelasan dibina secara beransur maju oleh manusia menerusi budaya masyarakat dan wacana sosial. Belajar dari perspektif ini dilihat sebagai proses kawal selia diri dalam menghadapi konflik di antara pengetahuan sedia ada peribadi dan pengetahuan baru. Proses membina pengetahuan baru dilakukan melalui aktiviti perbincangan sosial, wacana dan perbahasan dalam amalan masyarakat.

Teori Konstruktivisme menitikberatkan pengalaman pendidikan yang boleh membantu pelajar membina ilmu pengetahuan mereka sendiri. Dengan pengalaman sedia pelajar dan ditambah dengan pengetahuan yang baru, pelajar dapat meneruskan pembelajaran mereka dengan lebih efektif (Ee, 2002). Pembentukan pengetahuan baru tersebut wujud daripada gabungan pembelajaran yang terdahulu dengan persekitaran semasa. Berdasarkan teori ini, demi untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, guru perlu mereka bentuk situasi pembelajaran di mana murid boleh mencipta penyelesaian mereka sendiri terhadap tugas pembelajaran tersebut. Guru perlu menyesuaikan diri dengan keadaan pelajar yang sentiasa ingin tahu dan ingin mempelajari ilmu yang baru. Di samping itu, guru juga perlu menyediakan inisiatif terkini seperti strategi, kaedah dan teknik serta pelbagai jenis bahan pengajaran dan pembelajaran agar menggalakkan percambahan ilmu.

Dari segi konteks kajian ini, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) yang merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan pembinaan ilmu pengetahuan dibina oleh pelajar melalui aktiviti kumpulan yang berstruktur dan dijalankan secara sistematik. PBM adalah selaras dengan teori konstruktivisme di mana ianya menekankan penggabungan pengetahuan sedia ada pelajar serta pengalaman pembelajaran yang baru melalui sesi kerja berkumpulan berasaskan permasalahan atau senario dunia sebenar yang diberikan oleh guru. Di dalam PBM, pelajar membina sendiri pengetahuan yang disasarkan dan guru bertindak sebagai fasilitator. Apabila pelajar belajar mengikut kemahuan dan keperluan mereka sendiri, proses pengajaran dapat berjalan dalam keadaan yang menyeronokkan, kurang tekanan, kurang membosankan dan sekaligus meningkatkan motivasi pelajar untuk terus terlibat hingga ke akhir dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

2.5 Pembelajaran perbincangan kumpulan

Kaedah pembelajaran secara perbincangan dalam kumpulan merupakan teknik pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan aktiviti yang menggalakkan pelajar berinteraksi sesama pelajar dan juga dengan guru. Di samping menggalakkan aktiviti pertukaran idea dan perkongsian maklumat, ianya juga menggalakkan pelajar berfikir dengan teliti sebelum bercakap atau mengemukakan pandangan tentang sesuatu yang dibincangkan. Peranan guru adalah sebagai fasilitator kepada setiap kumpulan dan guru akan membuat rumusan muktamad setelah setiap kumpulan membentangkan hasil perbincangan kumpulan di akhir sesi pengajaran dan pembelajaran (Hashim, Yaakub & Ahmad, 2007).

Kaedah pembelajaran secara perbincangan juga biasanya dirujuk kepada dua pendekatan iaitu secara koperatif dan kolaboratif. Terdapat beberapa penulis yang telah membuat perbezaan di antara pembelajaran koperatif dan kolaboratif (Brody, 1995; Bruffee, 1995). Pembelajaran koperatif adalah satu proses sosial dilaksanakan dengan kerja berkumpulan. Perbincangan koperatif menekankan kepada mempromosikan hasil sosial dan akademik di mana pelajar mempelajari kemahiran sosial yang baru dan bagaimana untuk bekerja bersama-sama untuk mencapai matlamat akademik. Matlamat ini direalisasikan melalui pewujudan struktur dan kawalan oleh guru. Guru bertindak seperti pengurus atau pengarah yang menggunakan strategi pengajaran untuk menerapkan kemahiran sosial, sikap saling bergantung yang positif, kerjasama dan akauntabiliti (Brody, 1995).

Sebaliknya, pembelajaran kolaboratif merangkumi pemikiran bebas dan juga perbezaan pendapat. Matlamat akhir pembelajaran kolaboratif adalah untuk mewujudkan pengetahuan baru. Pada dasarnya ia dijalankan secara kumpulan berstruktur. Selain daripada bermatlamat untuk mewujudkan pengetahuan baru, ianya juga bermatlamat supaya ahli kumpulan berkebolehan memikirkan dan menyelesaikan masalah yang abstrak, masalah yang mungkin tidak mempunyai jawapan tertentu atau yang mempunyai pelbagai penyelesaian. Pembelajaran kolaboratif juga tidak mensasarkan bahawa setiap ahli kumpulan masing-masing akan belajar dan berjaya sebagai hasil daripada proses tersebut (Olivares, 2005).

Dalam konteks kajian ini, pembelajaran koperatif merupakan kaedah perbincangan kumpulan yang sedia ada dijalankan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup juga dinamakan sebagai Pembelajaran Sedia Ada

(PSA) dalam kajian ini. Ianya sering dilaksanakan untuk pelajar berbincang dengan ahli kumpulan atau dengan guru untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Manakala ciri-ciri perbincangan kolaboratif adalah lebih mirip kepada Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) di mana ianya bermatlamat untuk membina pengetahuan baru serta melatih pelajar berfikir ke arah yang lebih meluas dan terbuka dalam menyelesaikan sesuatu tugas.

2.6 Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM)

Satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mempunyai ciri-ciri berpusatkan pelajar dan berasaskan kumpulan ialah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM). Menurut penulisan Serife (2011), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) adalah satu model pembelajaran yang berpusatkan pelajar yang mana ciri-ciri utamanya adalah berkaitan dengan masalah dunia sebenar, kawalan pelajar, dan proses berasaskan kumpulan.

Menurut Canon & Newble (2000), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) atau *Problem-Based Learning (PBL)* mula digunakan di fakulti perubatan di McMaster University, Kanada, sekitar tahun 1960an yang lalu. Setelah itu, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) digunakan secara meluas dalam pelbagai disiplin seperti kejuruteraan, undang-undang, pertanian, dan pengurusan. Selain itu, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) juga boleh digunakan untuk mengajar di sekolah rendah dan menengah. Walau bagaimanapun, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) sering disalahertikan oleh para pendidik sebagai pengajaran yang menggunakan aktiviti penyelesaian masalah, sedangkan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) lebih merupakan satu cara merancang dan menyampaikan satu kursus atau mata pelajaran yang berorientasikan masalah dalam amalan profesional atau kehidupan yang sebenar (*real life*) sebagai rangsangan kepada pembelajaran.

Jika dibandingkan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional, Jordan & Porath (2006) menyatakan, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) juga berbeza dengan pendekatan tradisional kerana Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) merupakan satu strategi yang bertujuan membentuk 'budaya inkuiri' yang tidak menggalakkan pembelajaran secara hafalan, serta memerlukan individu pelajar memberi definisi kepada masalah, mencari jalan penyelesaian masalah, dan berkolaborasi dengan pelajar lain untuk menyelesaikan masalah.

Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) merupakan satu kaedah pembelajaran yang mempunyai prinsi-prinsip yang tersendiri. Menurut Huichun, Xiangyun & Stojcevski (2009), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dapat difahami berdasarkan prinsip-prinsip seperti berikut:

Prinsip 1: Berpusatkan masalah

Prinsip ini merupakan yang paling asas untuk Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM). Ianya boleh difahami melalui dua aspek:

- i) Dari segi perspektif pembelajaran, masalah berfungsi sebagai titik permulaan proses pembelajaran dan ia seterusnya mengarahkan dan membimbing proses pembelajaran. Ini membawa pengertian bahawa, masalah menawarkan pelajar konteks yang jelas dan pengalaman kepada rangka pembelajaran dan membantu pelajar untuk mengaitkan pengetahuan yang mereka belajar di dalam kelas kepada kehidupan sebenar.
- ii) Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) membayangkan cara baru untuk mereka bentuk dan membangunkan kurikulum. Kurikulum tidak hanya dibina berdasarkan disiplin terpencil dan mata pelajaran, tetapi direka dan diintegrasikan melalui masalah dan projek.

Prinsip 2: Pembelajaran diarahkan pelajar (berpusatkan pelajar)

Prinsip kedua berkaitan dengan peranan utama pelajar dalam proses pembelajaran. Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) terletak pada asas teori konstruktivisme yang menekankan kepentingan membina kefahaman dan pengetahuan oleh para pelajar sendiri. Dalam senario Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM), pelajar memiliki sesi pembelajaran, mengarahkan sendiri aktiviti dan proses pembelajaran. Justeru itu pelajar mempunyai tanggungjawab penuh untuk pembelajaran mereka. Ini berbeza dengan pembelajaran konvensional di mana pelajar adalah pelajar pasif dan lebih berpandukan guru. Dalam amalan, prinsip ini menyimpulkan bahawa pelajar mengarahkan perumusan masalah, penyertaan dalam pembelajaran serta pendekatan yang digunakan dalam pembelajaran. Menekankan peranan pelajar dalam pembelajaran juga meningkatkan motivasi pembelajaran mereka dan dengan itu menyebabkan hasil pembelajaran yang lebih baik.

RUJUKAN

- Abdul Ghaffar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah, M. C., Roslan, S. & Sulaiman, T. (2012). *Strategi Pengajaran Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Anjakan Paradigma*. Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Abu Bakar, Z., Kamaruddin, M. I., Megat Zakaria, M. A. Z. & Ibrahim, M. A., (2007). Kemahiran ICT guru pelatih Universiti Teknologi Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan JPPG 2007. 18 – 20 November 2007*. Royal Adelphi, Seremban.
- Adsul, R. K. & Kamble, V. (2008). Achievement Motivation as a Function of Gender, Economic Background and Caste Differences in College Students. *Journal of the Indian Academy of Applied Psychology, July 2008, Vol. 34, No.2, 323-327*.
- Ahmad Tarmizi, R., Mokhtar, M. Z., Mohd Ayub, A. F. & Nawawi, M. (2013). Motivation and Performance in Learning Calculus Through Problem Based Learning. *International Journal of Asian Social Science, 2013, 3(9): Special Issue: International Conference on Teaching and Learning in Education*.
- Alsagoff, S. A. (1986). “*Ilmu Pendidikan: Pedagogi* .” Kuala Lumpur: Heineman Asia, ctk.4.
- Angele, A., Emma, D. L., Koen, G. & Robert, S. (2010) *Student Centered Learning: An Insight Into Theory And Practice*. Education International, European Students’ Union, Bucharest.
- Ari, E (2013). Hubungan Metode Pengajaran : Small Group Discussion (SGD) dengan Peningkatan Motivasi belajar pada Mahasiswa Stikes Borromeus. Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan Sato Borromeus, Bandung. Di capai pada 2014 melalui <http://e-journal.kopertis4.or.id>

- Ashaari, N. I. (2009). *Aplikasi Kaedah Penyelesaian Masalah dalam Pengajaran Kursus Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: The Exercise of Control*. Freeman, New York.
- Barrows, H. S., & Kelson, A. (1993). *Problem-based learning in secondary education and the Problem-based Learning Institute (Monograph)*. Springfield: Southern Illinois University School of Medicine.
- Boud, D. & Felletti, G. (1997). *The Challenge of Problem Based Learning*. 2nd Edition. London: Kogan Page.
- Brody, C.M. (1995). Collaboration or cooperative learning? Complimentary practices for instructional reform. *The Journal of Staff, Program and Organizational development*, 12(3), 133-143.
- Brouse, H. C., Basch, C. E., LeBlanc, M., McKnight, K. R., & Lei T. (2010). College Students' Academic Motivation: Differences by Gender, Class and Source of Payment. *College Quarterly Winter. Volume 13, Number 1*. Dicapai pada 2013 dari <http://www.collegequarterly.ca/2010-vol13-num01-winter/brouse-basch-leblanc-mcknight-lei.html>
- Bruffee, K.A. (1995). Sharing our toys: Cooperative learning versus collaborative learning. *Change, January/February*, 12-18.
- Buang, N. A. & Yap, P. M. (2002). Kesiediaan guru-guru Perdagangan di Wilayah Persekutuan dari aspek Pengetahuan Kaedah Pengajaran dan sikap terhadap pengajaran Subjek Pengajian Keusahawanan. *Jurnal Teknologi*. 37 (E), 1-16. Dicapai pada 2013 melalui www.penerbit.utm.my/onlinejournal
- Cannon, R. & Newble, D. (2000). *A Handbook for Teachers in Universities and Colleges: A Guide to Improving Teaching Methods* (4th. Edition). London: Kogan Page Limited.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. Edisi Kedua. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- CLS Consulting (2012), *Problem Based Learning- What is Problem Based Learning*. <http://www.pblearning.com/what-is-problem-based-learning.html>
- College of Education and Psychology, <http://www.ncsu.edu>
- Delisle, R. (1997). *How to use Problem Based Learning in the Classroom, Association for Supervision and Curriculum Development (ASCD)*, 1703 N. Beauregard St. Alexandria, Virginia 22311-1714 USA.

- Duch, Barbara J.; Groh, Susan; Allen, Deborah E. (2001). *The power of problem-based learning : a practical "how to" for teaching undergraduate courses in any discipline.* (1st ed.). Sterling, VA: Stylus Pub. ISBN 1579220371
- Ee, A. M. (2002). *Siri Diploma Perguruan Psikologi Pendidikan III (Semester III).* Edisi Ketiga. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee, A. M. (2002). *Siri Diploma Perguruan Pedagogi IV (Semester IV).* Edisi Kedua. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee, A. M. (2003). *Siri Diploma Perguruan Psikologi Pendidikan II (Semester II).* Edisi Kedua. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ellis, R. (1994). *The Study of Second Language Acquisition.* Oxford: Oxford University Press.
- Emily, R. L. (2011). *Motivation: A Literature Review.* Pearson's Research Report. Dicapai pada 2013 melalui http://images.pearsonassessments.com/images/tmrs/motivation_review_final.pdf
- Fosnot, C. T. (2013). *Constructivism: Theory, Perspectives, and Practice.* 2nd Edition. Teachers College Press, Amsterdam Avenue, New York. Di capai pada 2014 melalui <http://books.google.com>
- Frey, L. R., Carl, H. B. & Gary L. K. (2000). *Investigating Communication: An Introduction to Research Methods.* (2nd ed). Boston: Allyn and Bacon.
- Gardner, R. C. (1985). *Social Psychological Aspects of Language Learning: The role of Attitudes and Motivation.* Edward Arnold (Publishers) Ltd, 41 Bedford Square, London WC1B3DQ.
- Gay, L.R. & Airasian, P.W. (2011). *Educational Research- Competencies for Analysis and Applications.* (10th. Edition) Upper Sadle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- George, D., & Mallery, P. (2003). *SPSS for Windows step by step: A simple guide and reference.* 11.0 Update (4th Ed.). Boston: Ally & Bacon.
- Harry, N. B. & Deborah, A. B. (2014). Analyzing Likert Data. *E Journal of Extension. Volume 50. No. 2.* Dicapai pada 2014 di www.joe.org
- Hashim, S., Yaakub, R. & Ahmad, M. Z. (2007). *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan. PTS Professional.* Di capai pada 2014 melalui <http://books.google.com>

- Hidi, S., & Harackiewicz, J. M. (2000). Motivating the academically unmotivated: A critical issue for the 21st century. *Review of Educational Research*, 70(2), 151–179
- Huang, K. S. (2012), A Study on the Incorporation of Problem-Based Learning (PBL) in a University Freshman English Class. *The Journal of International Management Studies*, Volume 7 Number 2.
- Huichun, L. & Xiangyun D. & Stojcevski, A. (2009). Educational transformation to PBL- what has changed. *Proceedings of the 2nd International Research Symposium on PBL, 3-4 December 2009*. Melbourne, Australia.
- Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (2003), Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan Edisi Pertama*. Kuala Lumpur. McGraw- Hill (Malaysia)SDn. Bhd.
- Industrial Research Institute (2010). *Research management*. Michigan: Industrial Research Institute.
- Ismail, N. H. (2009). *Kesan Penggunaan Pbm (pbl) Terhadap Pencapaian dan Motivasi Pelajar dalam Kimia Tingkatan Empat*. Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Disertasi Sarjana.
- Jeyagobi, R. & Subramaniam, S. (2007). *Bestari: Pembestarian Proses Pengajaran dan Pembelajaran*. Mahir Holdings SDN. BHD. Siri Pendidikan Guru Bestari. Di capai pada 2014 melalui <http://books.google.com>
- Johns, R. (2010). *Likert items and scales*. Retrieved from Survey Question Bank Dicapai pada 2013 melalui <http://www.surveynet.ac.uk/sqb/datacollection/likertfactsheet.pdf>
- Jones, B. D., Epler, C. M., Mokri, P., Bryant, L. H. & Paretti, M. C. (2013). The Effects of a Collaborative Problem-based Learning Experience on Students' Motivation in Engineering Capstone Courses. *Interdisciplinary Journal of Problem-based Learning*. Volume 7, Issue 2, Article 2.
- Jordan, E. A., & Porath, M. J. (2006). *Educational psychology: a problem-based approach*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Jupp, V. (2006). *The Sage Dictionary of Social Research Methods*. Sage Publications. London, Thousands Oaks, New Delhi.

- Keller, J. M. (1983). *Motivational design of instruction*. In C. M. Reigeluth (Ed.), *Instructional-design theories and models: An overview of their current status*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates
- Keller, J. M. 2007. *Motivation and performance*. In R. A. Reiser & J. V. Dempsey (Eds.), *trends and issues in instructional design and technology*. 2nd Edn. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education. Pp: 82-92
- Keller, J.M. 2010. *Motivational design for learning and performance: The ARCS Model Approach*; Springer Verlag.
- Kerlinger, F. N. (1999). *Foundation of Behavioural Research*. Fourth Edition. Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Khambayat, R. P. (2010). Preparing Teachers of Today for the Learners of Tomorrow, *Journal of Engineering, Science and Management Education/ Vol. 2 / 9-16*.
- Kimberlin, C. L.& Winterstein, A. G. (2008). Validity and reliability of measurement instruments used in research. *Am. J. Health Syst. Pharm.* 2008 Dec 1;65(23):2276-84.
- Kirschner, P., Sweller, J., & Clark, R. (2006). Why minimal guidance during instruction does not work: An analysis of the failure of constructivist, discovery, problem-based, experiential, and inquiry-based teaching. *Educational Psychologist*, 41(2), 75-86.
- Krathwohl, D.R., Bloom, B.S., and Masia, B.B., (1964), *Taxonomy of educational objectives: Book 2, affective domain*: New York, Longman, p. 196.
- Kulas, J. T., Stachowski, A. A., & Haynes, B. A. (2008). Middle response functioning in Likert-responses to personality items. *Journal of Business and Psychology*, 22(3), 251-259.
- Kuppuswamy, (1980). *An introduction to social psychology*. Asia Publishing House, Bombay.
- Laerd Statistics (2013). <https://statistics.laerd.com/spss-tutorials/cronbachs-alpha-using-spss-statistics.php>
- Lambros, A. (2004). *Problem Based Learning in Middle and High School Classrooms: A teacher's Guide to Implementation*. Corwin Press, USA.
- Leontiev, A. N. (1978). *Activity, Consciousness, and Personality*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.

- Mahmood, N., Dason, A., Chia, P., Hamzah, R. & Sukri, M. S. (2010). *Kurikulum Kemahiran Hidup ke arah Merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Dicapai pada 2013 dari <http://eprints.utm.my/14959/1/eprint19>
- Mei, H. Y., Md Yunos, J., Othman, W., Hassan, R., & Tze, K. T. (2010). Penggunaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Marzano dalam Penjanaan Idea. *Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2010*. Dicapai pada 2013 melalui www.eprints.uthm.edu.my
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded source book (2nd ed.)*. Newbury Park, CA: Sage.
- Mohd Tahir, L., Mustafa, N. Q. & Mohd Yassin, M. H. (2009). Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk Pelajar Berkeperluan Khas. *Jurnal Pendidik dan pendidikan*. 24(1), 73-87. Dicapai pada 2013 melalui www.usm.edu.my
- O'Hora, C. J. *Problem Based Learning Activities* - Mrs. O'Hora's House <http://www.mrsoshouse.com/pbl/>
- Olivares, O. J. (2005). Collaborative critical thinking: Conceptualizing and defining a new construct from known constructs. *Issues in Educational Research, Vol. 15*. Bridgewater State College and Aptima Inc., USA.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2001). *Pembelajaran secara Konstruktivisme*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2002). *Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah Tahun 5*. Dicapai pada 2013 dari http://www.kolejku.com/ppk/hsp/k_hidup/kbsr/hsp_kh_y4.pdf
- Razali, S. N. (2002), *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Cetakan 2.
- Roger E. K. (2008). *Statistics An Introduction (5th Ed.)*. Thomson Wadsworth of Thomson Corporation. Thomson Higher Education, Belmont USA.
- Sage (2008). *Chapter 22, Meta-Analysis. Extension Chapters on Advanced Techniques*. Dicapai pada 2014 melalui <http://www.uk.sagepub.com/urns/website%20material/Chapter%2022%20-%20Meta-Analysis.pdf>
- Samsudin, M. A. (2003). *Kesan Pengajaran Kontekstual Terhadap Pencapaian Pelajar dan Motivasi Pelajar Dalam Mata Pelajaran Fizik Tingkatan 4: Kertas Projek*. Penang: USM

- Serife, A. K. (2011). The Effects of Computer Supported Problem Based Learning on Students' Approaches to Learning. *Current Issues in Education*, 14(1). Dicapai pada 2013 dari <http://cie.asu.edu/ojs/index.php/cieatasu/article/view/>
- Sevinc, B., Haluk Ozmen, H. & Yigit N. (2011). Investigation of Primary students' Motivation levels Towards Science Learning. *Science Education International*. Vol.22, No.3, September 2011, 218-232.
- Sishes, A. J. (2001). Teori Pembelajaran. *Seminar Majlis Pendidikan*. Dicapai pada 2013 melalui eprints.utm.edu.my
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4 / 1986. *Panitia Mata pelajaran*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5 / 1992. *Pelaksanaan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah Mulai Tahun 1993*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Tan, O. S. & Ee, J. (2004). *Project Work Through Problem Based Learning Approach. Managing Project Work in Schools: Issues and Innovative Practices*. Singapore: Prentice-Hall.
- Tarhan, L., Ayar-Kayali, H., Ozturk-Urek, R., & Acar B. (2008). Problem-based learning in 9th grade chemistry class: Intermolecular forces. *Research in Science Education*, 38(3), 285-300.
- Tay, L. Y. & Lim, C. P. (2013). *Creating Holistic Technology – Enhanced Learning Experiences- Tales from a Futue School in Singapore*. Sense Publishers. 3001 AW Rotterdam, The Netherland. Di capai pada 2014 melalui <http://books.google.com>
- Thomas, K. F. & Paul, G. W. (1996). *Historical Encyclopedia of School Psychology*. Greenwood Publishing Group Inc. . Di capai pada 2014 melalui <http://books.google.com>
- Tim Pengembang Ilmu pendidikan FIB-UPI (2007). *Ilmu dan aplikasi pendidikan, Bahagia 1- Ilmu Pendidikan Teoretis*. Handbook. PT IMPERIAL BHAKTI UTAMA.
- Tosun, C. & Taskesenligil, Y. (2011). The Effect of Problem Based Learning on Student Motivation Towards Chemistry Classes and on Learning Strategies. *Journal of Turkish Science Education*. Volume 9, Issue 1.
- Trochim, W. & Donnelly, J. P. (2008). *The Research Methods Knowledge Base*. Atomic Dog/ Cengage Learning. Edition: 3.

- Tsang, K.K (2012). The use of midpoint on Likert Scale: The implications for educational research. *Hong Kong Teachers' Centre Journal. The Hong Kong Teachers' Centre 2012. Vol.11.* (p121-130)
- Tuovinen, J., & Sweller, J. (1999). A comparison of cognitive load associated with discovery learning and worked examples. *Journal of Educational Psychology, 91*(2), 334-341.
- Turner, J. C. (1995). The influence of classroom contexts on young children's motivation for literacy. *Reading Research Quarterly, 30*(3), 410–441.
- Vazquez, M. F. (2008). *Problem Based Learning and Its Influence on College Preparation Knowledge, Motivation, & Self-Efficacy in High School Students*. University of Southern California. Dicapai pada 2013 dari <http://digitallibrary.usc.edu/cdm/compoundobject/collection/p15799coll127/id/106556/rec/3946>
- Wee, K. N. (2004). *Jump Start Authentic Problem-based Learning*. Prentice Hall: Pearson Publication.
- Weimer, M. (2009). *Problem Based Learning: Benefits and Risks*. Faculty Focus. Higher Ed Teaching Strategies from Magna Publications. Dicapai pada 2014 melalui www.facultyfocus.com/articles/effective-teaching-strategies/problem-based-learning
- Wiersma, W. & Jurs, S. G. (2009). *Research Methods in Education: An Introduction*. Allyn & Bacon Incorporated, Edition: 9.
- Wikipedia -The free Encyclopedia (2014) *Problem Based Learning*. http://en.wikipedia.org/wiki/Problem-based_learning
- Wilkinson, D. & Birmingham, P. (2003). *Using Research Instruments A Guide for Researchers*. First published 2003 by Routledge Falmer 11 New Fetter Lane, London EC4P 4EE.
- Wright, J. (2012). Six Reasons Why Students Are Unmotivated and What Teachers Can Do. *Technical Assistance Meeting for CSE Chairpersons*. Lake Placid, NY. Dicapai pada 2013 dari <http://www.interventioncentral.org/ccse>
- Yahaya, A. & Chu, S. P. (2010). *Kaedah Pengajaran Guru dalam Penggunaan Alatan Tangan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Yahaya, A. & Chinnapan, G. (2008). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor.

